



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
15 MEI 2023 (ISNIN)

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MALAYSIA IMPORT DAGING LEMBU HANWOO DARI KOREA SELATAN, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -33 MAT SABU: HOT WHEATHER NOT AFFECTING FOOD SUPPLY BY FARMERS, FISHERMEN, NEWS, TAMIL MALAR -5 MALAYSIA, SOUTH KOREA TO BOOST AGRICULTURAL COOPERATION, NEWS, TAMIL MALAR -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5. 6.	KADA SEDIA PAM BANTU PESAWAH, NASIONAL, SH -11 TUBUH JAWATANKUASA TANGANI FENOMENA EL-NINO, KELANTAN, HAKAKAH -12 HELPING PADI FARMERS DEAL WITH DRY SPELL, NATION, THE STAR -2	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	UNHAPPY FISHERMEN WANT TO MARCH TO PARLIAMENT, NEWS, NATION, NST -8 4,000 NELAYAN BERTAMBAH BANTAH PROJEK TAMBAK LAUT, NASIONAL, BH -20 TELUR BIASA DITUKAR LABEL OMEGA, DALAM NEGERI, UM -10 LEBIH 100 NELAYAN PANTAI TERJEJAS, LOKAL, HM -10 LAUT BERALUN HASIL KURANG, HARGA IKAN TERUS MENINGKAT, LOKAL, HM -10 RIBUAN PENGGUNA DI KEDAH, PULAU PINANG TERJEJAS AIR, NASIONAL, SH -10 MUSANG KING RAUB 'MENJADI' MUSIM INI, NEGARA, KOSMO -12 'SEPERTI MEREMPAT DI NEGARA SENDIRI, DALAM NEGERI, UM -7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Malaysia import daging lembu Hanwoo dari Korea Selatan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	15 May 2023	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	33	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	458 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,726
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,177



Malaysia import daging lembu Hanwoo dari Korea Selatan

KUALA LUMPUR: Eksport daging lembu Hanwoo Korea Selatan yang pertama disahkan halal ke Malaysia bermula bulan depan, membolehkan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara dijangka meningkat dan bakal merangsang pengembangan eksport republik itu ke lebih banyak negara-negara yang mayoritasnya beragama Islam.

Menteri Pertanian, Makanan dan Hal Ehwal Luar Bandar (Mafra) Korea Selatan, Chung Hwang Keun berkata berikutan eksport produk baharu itu ke Malaysia, angka perdagangan berpotensi lebih tinggi daripada rekod tahun lepas sebanyak AS\$26.7 bilion (AS\$1 = RM4.47). Pada 2022, jumlah dagangan antara Korea Selatan dan Malaysia mencecah AS\$26.7 bilion, meningkat sekitar AS\$6 bilion atau 30 peratus berbanding 2021.

"Walaupun jumlah nilai eksport daging lembu Korea adalah sekitar AS\$30 juta tahun lepas, kami menjangkakan kesan positif dalam meningkatkan perdagangan kami dengan Malaysia."

Memandangkan minat yang tinggi terhadap masakan Korea, dipengaruhi oleh muzik dan drama (televisyen) Korea, kami akan berusaha untuk terus mengaktifkan eksport daging lembu Korea," katanya kepada Bernama dalam temu bual eksklusif sem-

pena pelancaran acara promosi Hanwoo Korean Beef semalam. Chung berada di Kuala Lumpur untuk lawatan tiga hari bagi bertemu dengan pegawai-pegawai kerajaan dan syarikat berkaitan import bagi mempromosikan lagi eksport daging lembu Hanwoo Korea.

Terdahulu, beliau bertemu rakan sejawatannya dari Malaysia, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu dan mengeluarkan deklarasi bersama bagi memperluaskan kerjasama dalam keselamatan makanan, pertanian pintar dan eksport makanan.

MEMPERLUASKAN DAGING LEMBU KOREA KE NEGARA-NEGARA ISLAM

Chung berkata Malaysia adalah pasaran pertama bagi daging lembu Korea yang disahkan halal, dan terdapat ruang yang besar untuk mengembangkan lagi eksport daging lembu halal.

"Kami menjangkakan pengembangan eksport selanjutnya ke negara-negara lain yang memerlukan pensijilan halal, seperti Indonesia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), yang mana rundingan mengenai pemeriksaan eksport telah diselesaikan."

"Kami merancang untuk berusaha mengembangkan eksport daging lembu Korea ke negara Islam lain, termasuk UAE, de-

ngan memastikan penyediaan pensijilan dan rundingan yang diperlukan," katanya.

Chung memberitahu selepas hampir lima tahun perbincangan, pemantauan rapi dan bantuan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), kedua-dua negara telah bersetuju dengan syarat kebersihan import, dengan Mafra menerima kelulusan akhir setelah melakukan pemeriksaan dari Januari hingga Februari tahun ini.

Perkembangan terkini itu, membolehkan Malaysia menjadi negara pertama mempamerkan daging lembu Hanwoo, menjadikannya negara keempat termasuk Hong Kong, Macau dan Kemboja yang boleh mengimport daging lembu Korea.

Dengan sukacitanya dimaklumkan iaitu pada Mac tahun ini, Korea Selatan telah menubuhkan pusat penyembelihan yang pertama diperakui halal, dan berikutan itu, Malaysia menjadi negara pertama yang boleh mempamerkan daging lembu Hanwoo.

"Walaupun menghadapi pelbagai cabaran semasa mendapatkan pensijilan halal, rundingan kuarantin untuk eksport daging lembu Hanwoo telah selesai pada 2020," katanya.

Chung berkata kerajaan Korea Selatan telah memberikan sokongan kepada proses itu dengan memberi penjelasan

terperinci kepada pegawai-pegawai Jakim yang menjalankan pemeriksaan di tapak, menekankan usaha dan persediaan yang luar biasa dilakukan oleh syarikat eksport-import untuk mendapatkan pensijilan halal, sekali gus memudahkan penyelesaian prosedur dengan jayanya.

Ketika ditanya mengenai pusat penyembelihan domestik yang banyak diperkatakan di Seoul, Chung berkata Jakim telah menyediakan latihan kepada pekerja untuk meningkatkan kecakapan halal mereka.

"Walaupun tiada pelan khusus untuk berkongsi teknologi dan ilmu halal, kami akan berusaha sedaya upaya memastikan penyembelihan halal dapat dijalankan tanpa sebarang masalah dengan menguruskan proses secara ketat, dan jika perlu, kami akan mewujudkan peluang pertukaran dengan pakar-pakar halal pada masa hadapan," katanya.

Pada masa ini, hanya sebuah pusat penyembelihan di Korea Selatan yang menerima pensijilan halal iaitu di Hongcheon, Wilayah Gangwon.

KEUNIKAN DAGING LEMBU HANWOO KOREA SELATAN

Chung berkata daging lembu Hanwoo adalah unik, dengan rasanya yang tersendiri dan hanya boleh didapati di Korea Selatan. Beliau berkata daging lembu

itu terkenal dengan jalur-jalur lemak yang sama rata - yang menjadikan tekstur dagingnya lembut dan menghasilkan rasa yang penuh enak - dan telah mendapat reputasi melalui pelbagai media luar negara dan pempengaruh.

"Tambahan pula, setiap peringkat proses pengeluaran Hanwoo, dari ladang hingga ke meja makan, diuruskan dengan ketat melalui sistem kebolehsesanan bagi memastikan keselamatan dan kualitinya."

"Dengan memasukkan nombor pengesanan dalam talian, pembeli atau pengguna boleh mendapat pengesanan secara langsung, grad, kawasan pengeluaran dan maklumat ladang daging lembu Hanwoo."

"Kami memohon untuk anda mencuba daging lembu Hanwoo, yang bukan sahaja lazat tetapi juga selamat untuk dimakan," tambah menteri itu.

Pada 2022, Korea Selatan merupakan rakan dagangan kelapan terbesar Malaysia, dengan nilai perdagangan berjumlah RM114.21 bilion, meningkat 29.3 peratus daripada yang direkodkan pada 2021.

Negara Asia Timur itu merupakan pelabur asing ketujuh terbesar Malaysia dalam sektor pembuatan untuk projek-projek yang dilaksanakan bernilai RM33 bilion. -Bernama

Headline	Mat Sabu: Hot weather not affecting food supply by farmers, fishermen		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	15 May 2023	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	135 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 694
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,082



அதிக வெப்பநிலை உணவு உற்பத்தியைப் பாதிக்காது



கிளந்தான், மே 15—
தற்போது நாட்டில் நிலவி வரும் வெப்பநிலை, உணவு உற்பத்தியிலும் விநியோகிப்பிலும் விவசாயி, மீனவர் மற்றும் கால்நடை வளர்ப்பவர்களுக்குத் தாக்கத்தை ஏற்படுத்தாது.
வெப்பநிலை அனைத்து தரப்பினருக்கும் பாதிப்பை ஏற்படுத்தாததை உறுதிசெய்ய அச்சுறுத்தலையை தங்கள் தரப்பு தொடர்ந்து கண்காணித்தும் ஆராய்ந்தும் வருவதாக விவசாய மற்றும் உணவு உத்தரவாத அமைச்சர் டத்தோ ஹீ முஹமட் சாபு தெரிவித்தார்.
கிளந்தானில், நேற்று முன்தினம் மீனவர்களுடனான மடானி சந்திப்பு நிகழ்ச்சியில் அவர் அவ்வாறு கூறினார்.

Headline	Malaysia, South Korea to boost agricultural cooperation		
MediaTitle	Tamil Malar		
Date	15 May 2023	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	22,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	257 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,321
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,963



விவசாயத் துறையில் ஒத்துழைப்பை வலுப்படுத்த மலேசியா-தென் கொரியா நடவடிக்கை

புத்ராஜெயா, மே 15-
நீடித்த உணவு உற்பத்தியை
உறுதி செய்வதற்காக
விவசாயம் சார்ந்த வர்த்தக
துறைகளில் மலேசியாவும் தென்
கொரியாவும் ஒத்துழைப்பை
வலுப்படுத்துகின்றன.

இந்த ஒத்துழைப்பை
வலுப்படுத்துவதற்கு
அடையாளமாக புரிந்துணர்வு
ஒப்பந்தத்தில் கையெழுத்திடவும்
இரு நாடுகளும் இணக்கம்
தெரிவித்துள்ளதாக விவசாயம்
மற்றும் உணவு உத்தரவாதத்
துறை அமைச்சு கூறியது.

கிழக்கை நோக்கும்
கொள்கை அமலாக்கம் கண்டு
40 ஆண்டுகள் நிறைவடைவதை
ஒட்டியும் இந்த ஒப்பந்தம்
காணப்படுகிறது என்று அமைச்சு
நேற்று முன்தினம் வெளியிட்ட

அறிக்கை ஒன்று தெரிவித்தது.
விவசாயத் துறையில் நிலவும்
சவால்களை எதிர்கொள்வதற்கு
ஏதுவாக அறிவாற்றல்,
அனுபவம், நற்பண்புகள்
மற்றும் வர்த்தக வாய்ப்புகளை
பகிர்ந்து கொள்வதற்கும்
உணவு உத்தரவாதம் மற்றும்
விவசாயம் சார்ந்த தொழில்நுட்ப
சார்ந்த துறைகளில் ஒன்றுபட்டு
செயல்படுவதற்கும் இந்த
புரிந்துணர்வு ஒப்பந்தம்
வகை செய்கிறது என்று அது
குறிப்பிட்டது.

மலேசியா வந்துள்ள தென்
கொரிய விவசாயம், உணவு
மற்றும் புறநகர் விவகாரத்
துறை அமைச்சர் கங் ஹுவாங்
கியேனை விவசாயம் மற்றும்
உணவு உத்தரவாதத் துறை
அமைச்சர் டத்தோழி முகமது



சாபு நேற்று தமது அலுவலகத்தில்
சந்தித்தார்.

இவ்விரு தலைவர்கள்
நடத்தும் முதல் சந்திப்பாக இது
விளங்குகிறது.

விவசாயம் சார்ந்த வர்த்தகத்

துறைகளில் தீவிரமாக பங்கேற்று
வரும் மலேசியாவின் வர்த்தக
பங்காளியாக அந்த கொரிய
குடியரசு விளங்குவதாக
அமைச்சு தனது அறிக்கையில்
குறிப்பிட்டது.

KADA sedia pam bantu pesawah

TUMPAT - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menempatkan dua pam air berkapasiti tinggi di kawasan penanaman padi seluas 424 hektar di Kampung Simpangan dan Kampung Tualang di sini sebagai persediaan menangani kekurangan bekalan air ketika musim panas ini.

Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) KADA, Mohd Razif Abdullah berkata, usaha tersebut dilakukan bagi membantu mengelakkan petani menanggung kerugian apabila tanaman padi yang diusahakan rosak akibat kemarau.

"Seramai 14 petani yang mengusahakan tanaman padi di sini mengalami kerugian besar pada musim lepas kerana ketiadaan sumber air untuk disalurkan ke tapak pertanian.

"Sehubungan itu, KADA dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyediakan dua pam bagi menyedut air dari Sungai Raut kira-kira empat kilometer dari bendang sebagai persediaan tanaman padi

musim depan yang akan bermula Jun ini," katanya.

Beliau yang melakukan tinjauan di kawasan tanaman padi berkenaan berkata, dua pam yang disediakan itu dijangka mampu mengairi kira-kira 300 hektar sawah sekaligus mengatasi masalah ketiadaan sumber air.

Sementara itu, pesawah, Che Amat Che Hasan, 66, berkata, penyediaan pam tersebut diharap dapat menyelesaikan masalah di hadapi seperti yang kerugian lebih RM20,000, selain terpaksa menanggung hutang pertanian lain.

"Sebelum ini saya mengusahakan sawah padi seluas kira-kira 10 hektar, tetapi nasib tidak menyebelahi saya apabila semua hasil tanaman rosak kerana kekurangan sumber bekalan air akibat musim kemarau," katanya.

Seorang lagi petani, Mohd Ridzuan Che Lah, 51, berkata, dia tidak menyangka akan mengalami kerugian besar buat pertama kali sejak mengusahakan tanaman padi lebih 30 tahun lepas.

- *Bernama*



Mohd Razif (kanan) membuat tinjauan bagi penyediaan dua buah pam menyedut air dari Sungai Raut di Kampung Perandang Pak Yong di Tumpat pada Ahad.

Tubuh jawatankuasa tangani fenomena El Nino

Oleh **MUHAMMAD ARIF
ISMAIL**

BACHOK: Sebuah jawatankuasa bersama agensi negeri dan persekutuan akan diwujudkan bagi menangani fenomena El Nino supaya tidak menjejaskan sektor pertanian.

Timbalan Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Abdul Azziz Kadir berkata, jawatankuasa itu akan memberi tumpuan kawasan tanaman padi.

Katanya kawasan terabit termasuk dikelola Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin-Semerak.

“Perkara itu dicadangkan anggota Exco Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ketika dialog bersama petani di Surau Kampung Batu Jelawat susulan masalah kekurangan air dan saluran air pecah.

“Wakil-wakil agensi berkaitan pertanian turut hadir,” katanya keti-



Abdul Azziz Kadir meninjau kerja-kerja mengalirkan air ke sawah.

ka ditemui di sini baru-baru ini.

Abdul Azziz yang juga Adun Jelawat berkata, sebagai langkah jangka pendek kerajaan negeri menyediakan peruntukan bagi kawasan yang

berhadapan masalah air di kawasan pertanian.

Menurutnya melalui peruntukan Exco Pertanian, setiap Dun yang terlibat dengan masalah bekalan air menerima peruntukan sebanyak

RM20,000 bagi membeli pam air untuk diagihkan kepada petani.

“Untuk penyelesaian jangka panjang kita serah kepada agensi persekutuan untuk membuat perancangan,” katanya.

Helping padi farmers deal with dry spell

TUMPAT: Two high-capacity water pumps have been installed in the 424ha rice cultivation area in Kampung Simpangan and Kampung Tualang here to ensure adequate water supply during the expected dry spell.

The initiative was undertaken by the Kemubu Agricultural Development Authority (Kada).

Its deputy general manager (development) Mohd Razif Abdullah said the effort was to prevent rice farmers from continuing to suffer losses if their crops were damaged due to drought.

"A total of 14 padi farmers here suffered huge losses last season due to the lack of water sources to be channelled to the fields, causing the padi plants to be badly damaged."

"Kada, in collaboration with the Irrigation and Drainage Department, took the responsibility of providing two pumps to siphon water from Sungai Raut, located about 4km from the fields. This is in preparation for the planting season in June," he told Bernama after surveying the fields here yesterday.

He said the two pumps could irrigate about 300ha of padi fields. Farmer Che Amat Che Hasan, 66, said the pumps were expected to solve the problems faced by farmers, who had to bear losses of more than RM20,000 aside from other agricultural debts.

Another farmer, Mohd Ridzuan Che Lah, 51, who cultivates about



Parched: Mohd Razif (centre) listens to Mohd Ridzuan's plight at one of the latter's padi fields at Kampung Simpangan in Tumpat, Kelantan. — Bernama

80ha in Kampung Simpangan, said he did not expect to suffer such losses as he had been cultivating for more than 30 years.

Previously, Kada general manager Mohd Faizul Mustafa said 7,800ha out of the 26,833ha of padi crops under Kada were affected by the drought in Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas, Tumpat and Kota Baru this year.

In Alor Setar, there was an unscheduled water supply disruption due to the sudden drop in the water level due to a damage of the Sungai Muda barrage gate.

A total of 252,000 consumer accounts in Kuala Muda, Kulim and parts of Baling were affected

by the disruption.

Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (Sada), in a statement, said the water supply disruption in the three districts started at 7.25am yesterday.

It said the incident resulted in the operation of the Sungai Petani/Pinang Tunggal water treatment plant (LRA) and the Kulim Hi-Tech LRA being temporarily suspended until the river level stabilises.

Following the suspension, a total of 252,000 users have been affected, including Sungai Petani, Bedong, Pantai Merdeka, Kulim, Lunas, Kuala Ketil and several other areas.

It also said it would mobilise

water tankers to the affected area with priority to critical premises such as hospitals, clinics, dialysis centres and funeral homes throughout the disruption period.

Operation rooms have been activated and users can channel complaints or inquiries via the Sada head office at 04-740 8976; Central Kedah Region (04-421 6798); Southern Region (04-484 6770) and the Sada Information Centre (SIC) at 1300-88-0017.

Information on water supply disruptions will be communicated from time to time through Sada's official Facebook and TikTok accounts and on its website www.sada.com.my.

PENANG SOUTH ISLAND RECLAMATION PROJECT

Unhappy fishermen want to march to Parliament

AUDREY DERMAWAN
BALIK PULAU
news@nst.com.my

MORE than 4,000 people, including 1,500 fishermen and representatives of 20 non-governmental organisations (NGO), held a protest at Pantai Sungai Batu here against the Penang South Island (PSI) project yesterday.

Bearing placards, they repeatedly chanted "Tolak Tambak" (reject reclamation).

Penang Fishermen's Association (Pen Mutiara) chairman Ibrahim Che Ros said this would not be the last protest.

"As long as the land reclamation project is on, we will continue to protest. This is not the end of it.

"After this, we will march to Parliament to submit a memo-

randum to the prime minister to say we reject the project and other land reclamation projects in the state.

"We will also send a copy of the memorandum to the Yang di-Pertuan Agong," he said after the protest.

On Thursday, Chief Minister Chow Kon Yeow said two of the three artificial islands under the Penang South Island project would not be built.

The state government would go ahead with the construction of the 920-ha Silicon Island. The two others that have been dropped are islands B (560ha) and C (320ha).

During a recent visit to Penang, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the federal government would allocate additional funds to the George Town-Bayan Lepas light rail transit project.



Fishermen protesting against the Penang South Island project at Pantai Sungai Batu in Balik Pulau yesterday. PIC BY MIKAIL ONG

Anwar had also asked the state government to scale down the PSI project.

Following his announcement, Sahabat Alam Malaysia president Meenakshi Raman, Consumers' Association of Penang president Mohideen Abdul Kader and Pen Mutiara had asked the state government to scrap the reclamation project.

Ibrahim said Pen Mutiara also wanted to meet with Chow.

"The state election is fast approaching. They must know who we are.

"We mean no threat. We just want the leaders to know we are against this reclamation project.

"Meet with us and settle this once and for all," he added,

noting that he was speaking on behalf of 6,000 fishermen in the state, 2,000 fishermen in southern Kedah and 10,000 fishermen in northern Perak.

Ibrahim also invited Chow to go to sea with him to assess the catch.

Southern Penang Fisherman Association president Arshad Omar said the fishermen were not forced to participate in yesterday's protest and that it was done according to the rules of the association.

"Those who came today came to support our cause," he said to loud cheers from the crowd.

Activist Khoo Salma Nasution, who spoke on behalf of the NGOs, said they supported the

fishermen's fight.

The protest, which lasted more than an hour, was also attended by state Perikatan Nasional leaders.

In 2019, hundreds of fishermen from Penang and Perak, along with representatives of numerous NGOs, marched to Parliament to protest against proposed land reclamation off Penang's southern coast.

They submitted petitions and a memorandum to the then prime minister, Tun Dr Mahathir Mohamad, and other ministers.

Fishermen and NGOs staged their first protest in the state in 2015, when the project was first mooted.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/5/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

4,000 nelayan berhimpun bantah projek tambak laut

Bayan Lepas: Kira-kira 4,000 ahli Persatuan Nelayan Pulau Pinang (PEN Mutiara) selain wakil nelayan dari Kedah dan Perak menyertai himpunan membantah projek tambakan laut Pulau Pinang Selatan (PSI) di hadapan Pasar Nelayan Sungai Batu di sini, semalam.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan, Arshad Omar, berkata pihaknya konsisten membantah projek terbabit demi melindungi kawasan berteluk paling luas di negeri ini.

Kawasan itu meliputi Gertak Sanggul sehingga ke Permatang Damar Laut yang kaya dengan hasil laut termasuk tempat pembiakan udang dan ikan.

Beliau menyuarakan kebimbangan rancangan pembinaan Pulau A yang dinamakan Pulau Sili-kon dengan keluasan 920 hektar akan menutup kawasan berteluk berkenaan kira-kira 45 peratus.

“Kawasan berteluk itu begitu luas sejauh lebih 10 kilometer dan ia terlindung daripada angin Ba-

rat Daya jadi keadaan lautnya tenang dan kawasan itu menjadi tumpuan nelayan, termasuk dari Kedah dan Utara Perak kerana dilimpahi hasil tangkapan yang tidak putus-putus

“Keadaan ini berbeza dengan Teluk Bahang yang selain kawasan teluknya lebih kecil ia terdedah tiupan angin Barat Daya menyebabkan ombak bergulung. Walaupun angin itu sudah tiada, ombak masih kekal bergulung kadang-kadang empat atau lima hari sehingga seminggu menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut,” katanya kepada pemberita.

Arshad turut tidak bersetuju dengan pandangan seorang nelayan pro PSI yang menyatakan selagi ada arus, ikan akan terus membiak sebaliknya beliau menegaskan hidupan laut tidak akan dapat membiak jika habitatnya kotor dan berlumpur.

“Ikan boleh membiak dengan syarat arusnya bersih tetapi melihat kesan tambakan sebelum ini membabitkan (STP) Seri

Tanjung Pinang kalau kita labuh pukot melekat selut hitam kalau begitu keadaannya bagaimana ikan nak membiak?” katanya.

Dua lokasi ambil pasir

Sementara itu, Pengerusi PEN Mutiara, Ibrahim Che Ros, berkata pihaknya dimaklumkan pengambilan pasir untuk projek berkenaan akan dijalankan di dua lokasi, iaitu 10 batu nautika dari barat Pulau Kendi meliputi kawasan berkeluasan 30 kilometer persegi.

Satu lagi lokasi terlibat dianggar sejauh 20 hingga 40 batu nautika dari selatan Pulau Kendi membabitkan kawasan seluas 90 kilometer persegi dengan kedua-dua lokasi berkenaan adalah lokasi nelayan menahan pukot.

“Seandainya mereka mengambil pasir di sana, kawasan itu sangat luas dan juga tempat nelayan menahan pukot jadi kami sangsi jika pihak pelaksana projek dapat mengawal selut, mendapan tanah dan sebagainya di kawasan terbabit,” katanya.

Telur biasa ditukar label omega

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@medianulla.com.my

PETALING JAYA: Ladang-ladang telur di seluruh negara didakwa menggunakan syarikat subsidi-ari untuk menipu label telur bi-asa yang ditukar dan diisytihar sebagai telur omega bagi menges-lak kawalan harga dan mengaut keuntungan berlipat ganda.

Situasi itu sekali gus me-nyebabkan berlaku lambakan telur jenis tersebut di pasaran dan pada masa sama telur biasa biasa gred A, B dan C berkurangan.

Perkara itu didedahkan sum-ber dalam industri yang berka-ta, kegiatan berkenaan dilakukan ladang telur berskala kecil dan sederhana yang kebanyakannya menghasilkan kurang daripada 500,000 biji telur sehari.

Katanya, kegiatan tersebut dibuat bertujuan mengelirukan pihak berkuasa yang membuat tinjauan dan pemantauan di la-dang-ladang telur apabila men-dapati telur di ladang adalah telur biasa tetapi apabila sampai ke pasaran ditukar label kepada telur omega.

Sumber berkata, ladang-la-dang pengeluar melakukan pa-dangan sebegini untuk lari dari-pada kawalan harga telur yang ditetapkan kerajaan sekali gus



HELAH mengisytihar telur biasa sebagai telur omega didakwa menyebabkan berlaku lambakan telur jenis itu dan pada masa sama telur gred A, B serta C berkurangan.

mengaut keuntungan di atas kesempatan pengguna yang ter-paksa berdepan harga sumber protein itu yang terlalu tinggi.

"Ladang-ladang pengeluar telur sekarang berpakat meng-optimumkan pengeluaran telur omega, cuma bezanya banyak atau sebaliknya.

"Ada satu cara macam mana ladang-ladang telur ini berpakat untuk mengeluarkan telur omega

dan lari daripada kawalan harga. Mereka wujudkan anak syarikat dan subsidiari ini digunakan untuk melancarkan jualan telur omega. Subsidiari ini menjadi pemborong mereka.

"Mereka jual telur biasa gred A, B, C dan D kepada subsidiari atau pemborong ini, kemudian pem-borong membungkus semula telur gred biasa itu khususnya telur A menjadi telur omega. Ini

dilakukan untuk mengelirukan pihak berkuasa, kalau mereka tu-run ke ladang memanglah nam-pak telur biasa," kata sumber.

Mingguan Malaysia pada Di-sembel tahun lalu melaporkan, isu penipuan label telur pre-mium memburukkan lagi krisis kekurangan bekalan sumber protein itu dalam negara.

Sumber dalam industri memberitahu, tiada tindakan

diambil mana-mana pihak bagi menangani komplot yang me-nipu pengguna.

Katanya, isu pelabelan telur itu sudah berlaku sejak puluhan tahun apabila ada ladang telur, pemborong dan peruncit yang mendapati tiada pihak meman-tau label dan penggredan telur, maka mereka mula meletakkan label premium pada telur kelu-aran masing-masing.

Kata sumber, komplot se-wenang-wenangnya meletak-kan label premium dan kaya omega pada produk telurnya, sedangkan tiada langsung ma-na-mana agensi kerajaan yang mengesahkannya.

Mengulas lanjut, sumber berkata, kegiatan tidak bermo-ral itu berleluasa kerana kega-galan kerajaan mewujudkan sebarang mekanisme kawalan telur omega, apabila telur jenis itu langsung tidak diakreditasi dan dipantau sama ada dari segi kuantiti atau kualiti.

"Masalah dalam pengeluaran telur omega ini, ia tak membantu mengawal harga telur di pasaran melalui lambakan telur omega. Ia tak diakreditasi oleh mana-mana badan atau agensi. Sesuka hati sahaja pengeluar meletak la-bel omega dan kaya nutrisi tanpa dipantau," katanya.

MUARA SUNGAI LEREH CETEK

Lebih 100 nelayan pantai terjejas

Oleh NurAliawati Sabri
am@hmetro.com.my

Melaka

Masalah muara cetek di Sungai Lereh di sini bukan hanya menyukarkan lebih 100 nelayan pantai untuk menggerakkan bot mereka malah, menjejaskan pendapatan harian apabila tidak dapat berada lama di laut.

Masalah itu dikatakan sudah berlarutan dan makin ketara sejak akhir Mac lalu apabila berlaku perubahan monsun kepada angin selatan.

Muara cetek mengakibatkan masalah lain yang lebih serius dan mengganggu periuk nasi nelayan termasuk mengancam keselamatan disebabkan lumpur dalam.

Nelayan Saifulnizam Othman, 42, berkata, disebabkan masalah muara, dia sukar berada lama di laut menangkap ikan kerana bimbang terkandas dan gagal berlabuh di pengkalan.

Katanya, dia dan rakan yang lain turun ke laut se-

NELAYAN Saifulnizam dan Zahudin (kanan) menunjukkan muara Sungai Lereh yang cetek. - Gambar NSTP/NURALIAWATI SABRI



awal jam 6 pagi dan bergegas pulang sebelum jam 12 tengah hari.

"Jujurly akibat masalah ini nelayan jadi tawar hati turun ke laut, situasi kami ketika ini mengejar masa. Baru sahaja buang pukuk atau jaring, tidak lama kemudian sudah kena tarik."

"Saya sendiri pernah ter-

kena, akibat lambat bergerak pulang, akhirnya terkandas di muara lebih tiga jam.

"Apabila terkandas rakan lain pun tidak boleh berbuat apa-apa (bantu) kerana lumpur amat dalam," katanya.

Menurut Saifulnizam, ada rakan nelayan terkandas tidak bernasib baik apabila hasil tangkapan membunuh

disebabkan kehabisan air batu dan terperangkap lama di pintu muara.

Lebih 30 tahun menjadikannya sebagai punca rezeki, Saifulnizam berkata, pendapatan hariannya merosot teruk dan untuk mengutip RM100 juga agak sukar.

"Jika dulu sehari, hasil tangkapan boleh mencecah

antara RM400 hingga RM500, tetapi kini sukar. Saya menggunakan bot besar, lagi sukar. Jika dulu setiap hari dapat turun (ke laut), kini sebulan kadang enam kali sahaja. Saya berharap mereka yang terabit mengali dan mendalamkan muara dalam tempoh segera," katanya.

Sementara itu, seorang lagi nelayan Zahudin Aluwi, 53, berkata, sebelum ini nelayan dapat keluar ke laut pada bila-bila masa, tetapi kini perlu menunggu waktu air pasang.

"Dari pengkalan ke muara jaraknya hampir 100 meter, tapi akibat muara cetek ini pergerakan nelayan terbatas."

"Kami jadi bingung kerana masalah ini bukan berlaku seminggu dua, tetapi akan berlarutan dalam tempoh yang lama," katanya.

Zahudin tidak dinafikan dua tahun lalu sudah ada kerja mendalamkan muara sungai itu dilakukan, namun dakwanya ia tidak bertahan lama kerana dilakukan pada waktu tak sesuai.

"Jika tidak salah sebelum PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) ada korek untuk dalamkan saluran, tetapi tidak sampai setahun sudah terjadi beting pasir," katanya.

>> Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam terbitan Harian Metro esok.

Laut beralun hasil kurang, harga ikan terus meningkat

Kuala Kedah: Harga tangkapan ikan di sini, terus meningkat sehingga mencecah RM10 hingga RM12 sekilogram berikutan hasil tangkapan berkurangan selain ombak beralun di laut.

Tinjauan di pelantar ikan Kampung Seberang Kota, di sini mendapati, hasil tangkapan ikan masih berku-

rangan disebabkan keadaan hujan, selain ombak beralun di tengah laut.

Tinjauan juga mendapati kebanyakan bot kecil tidak berani untuk turun ke tengah laut disebabkan laut bergelora dan hanya menangkap ikan sekitar kawasan satu atau dua batu nautika dari pelantar ikan, di sini.

Nelayan, Ismail Awang, 61, berkata, dia turun ke laut seawal jam 7 pagi dari pelantar ikan Kampung Seberang Kota, di sini dan pulang semula jam 10 pagi.

Katanya, hasil tangkapan yang diperolehi sekitar 15 kilogram (kg)

dan mampu memperoleh sekitar RM80.

"Saya turun berdua dengan rakan menggunakan bot fiber dan tak berani sangat nak ke tengah laut kerana alun kuat."

"Harga ikan terpaksa dinaikkan disebabkan ikan kurang namun harga di sini lebih murah dari pasar awam kerana dijual dengan harga perali.

"Harga ikan pula tak mementu, kalau banyak kami jual harga murah tapi kalau kurang, memang harga mahal terutama ikan kembung disebabkan permintaannya tinggi setiap hari," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Ismail berkata, sebagai nelayan yang berpengalaman lebih 40 tahun dia sentiasa peka dengan keadaan cuaca dan apabila nampak awan bertukar gelap, dia ti-



TANGKAPAN ikan berkurangan menyebabkan harganya meningkat sehingga RM10 hingga RM12 sekilo di pelantar ikan Kampung Seberang Kota, Kuala Kedah. - Gambar NSTP/ZULFIATY ZULKIFFLI

dak akan turun pada hari itu.

Peniaga ikan, Khadijah Md Syah, 48, berkata, harga pasaran ikan kembung masih lagi RM10 hingga RM12 sekilo sejak beberapa minggu lalu.

Katanya, tahun ini agak mencabar buat peniaga

ikan di sini kerana faktor cuaca selain tangkapan berkurangan setiap hari.

"Kalau tahun sebelum ini, kami mampu menjual ikan kembung sekitar RM4 hingga RM5 sekilo tetapi sekarang ini agak susah kerana nelayan sukar memperoleh hasil tangkapan."

"Saiz ikan yang diperolehi pula sederhana saja dan kami jual terus kepada pelanggan dengan harga agak murah berbanding di luar."

"Mungkin harga ikan kembung di pasaran luar lebih mahal di sini sehingga mencecah RM12 hingga RM15 sekilo," katanya.



"Tak berani sangat nak ke tengah laut kerana alun kuat"

Ismail Awang

Ribuan pengguna di Kedah, Pulau Pinang terjejas air

Paras air Sungai Muda turun mendadak sehingga jejkaskan LRA Sungai Dua

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA
dan SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI
SUNGAI PETANI

Penurunan mendadak paras air Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang telah menjejaskan pengeluaran Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, sekali gus menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa kawasan di Pulau Pinang dan Kedah.

Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA) menganggarkan sebanyak 251,800 akaun di tiga daerah di Kedah terjejas membabitkan Kuala Muda, Kulim dan sebahagian kawasan Baling bermula Ahad.

SADA dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa gangguan bekalan air tidak berjadual itu bermula pada jam 7.25 pagi disebabkan penurunan mendadak paras sungai yang berpunca daripada kerosakan pintu kawalan air (barrage) Sungai Muda.

Menurut kenyataan itu, kejadian luar jangka itu mengakibatkan pengoperasian Loji Rawatan Air (LRA) Pinang Tunggal, Sungai Petani dan LRA Kulim Hi-Tech terpaksa dihenti tugas buat sementara waktu. "Difahamkan, antara kawasan yang terjejas termasuk Taman Pinang Tunggal, keseluruhan kawasan Tikam Batu, Taman Desa Meranti, Kawasan Industri Kemuning, Kawasan Perindustrian Bakar Arang, Taman Sejahtera dan Taman Berjaya.

"Kawasan lain termasuk Sungai Lalang, Bedong, seluruh kawasan pekan Sungai Petani, Amanjaya Zon Teratai, Cempaka, Melati, Mawar dan Kenanga, Bandar Laguna Merbok, Kampung Sungai Pasir, Kampung Teluk Wang, Kampung Bukit Kechil, Taman Cahaya PKNK dan Taman Sejahtera Indah.



Paras air Sungai Muda di Pulau Pinang menurun dengan mendadak susulan berlaku kerosakan pintu kawalan air Sungai Muda.

"Sementara itu, di Kulim pula ialah Hospital Kulim, Taman Seroja, Taman Berjaya, Kampung Junjung, Taman Nenas, Taman Seladang dan di Baling membabitkan sebilangan kawasan yang terjejas," kata kenyataan itu.

Sehubungan itu, SADA memaklumkan, Bilik Gerakan telah diaktifkan serta-merta.

Menurut kenyataan itu, SADA akan menggerakkan lori tangki air ke kawasan terjejas dengan memberi keutamaan kepada premis kritikal seperti hospital, klinik, pusat dialisis dan upacara pengubatan sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual ini.

Maklumat berkenaan gangguan bekalan air tidak berjadual ini akan dimaklumkan dari masa ke masa menerusi platform digital rasmi Facebook dan TikTok Syarikat Air Darul Aman dan laman sesawang rasmi SADA.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, kerajaan negeri mengambil kira pandangan beberapa agensi berkaitan dalam usaha menangani gangguan bekalan air tidak berjadual itu.

"Pandangan dan nasihat teknikal daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) diambil sebelum pelepasan air di Empangan Muda dan Empangan Beris dibuat.

"Pelepasan air itu bagaimanapun memerlukan kerjasama Pulau Pinang untuk menutup baraj bagi memastikan air empangan yang dilepaskan tidak mengalir ke laut," katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi yang juga Pengerusi SADA berkata, kerajaan negeri sudah mengambil langkah-langkah kompetensi bagi menghadapi masalah gangguan air di Kedah berikutan fenomena cuaca El Nino yang dijangka berpanjangan hingga Julai ini.

"Untuk jangka masa pendek, kita akan menghantar bekalan air menggunakan lori, bagi jangka masa sederhana pula, rumah pam akan dibina manakala bagi jangka masa panjang kita akan menaik taraf LRA serta penggantian paip," katanya.

Sumber air utama di Pulau Pinang

Dalam pada itu di GEORGETOWN, ribuan pengguna di tiga daerah iaitu di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS) dan kawasan selatan Pulau Pinang akan mengalami gangguan bekalan

10 BERITA SINAR HARIAN
PALING TRENDING
SETAKAT JAM 5 PETANG AHAD

1 HARMONI SAMBUT
AIDILFITRI BERSAMA EMPAT
ISTERI

2 'SEMOGA TERUS HILANG
DEPOSIT' - AHMAD ZAHID

3 30 KAWASAN DI
SEMANJUNG HADAPI
CUACA PANAS TAHAP BERJAGA-
JAGA

4 'TUN M JANGAN CUBA
TEGAKAN BENANG YANG
BASAH' - ANWAR

5 'BUDAK PANDU KERETA ITU
BUKAN ANAK SAYA'

6 TULAR GAMBAR NIK ABDUH
BERSAMA ANWAR

7 DUA PELAJAR POLITEKNIK
MAUT, KERETA
BERTEMBUNG TRELER

8 PRN SELANGOR: ANAK
NOH OMAR, USTAZ ZAMRI
MANTOP ANTARA CALON PN

9 LELAKI REBAH KETIKA
TUNGGU ANAK DI SEKOLAH

10 SESI PERCUBAAN
AKADEMI JDT DAPAT
SAMBUTAN LUAR BIASA

an air bermula Ahad hingga Rabu akibat penurunan mendadak air Sungai Muda. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dalam satu kenyataan berkata, sesetengah pengguna di kawasan terjejas akan mengalami tekanan air rendah atau tiada bekalan air selama empat hari.

"Sungai ini merupakan sumber air mentah utama Pulau Pinang. Lebih daripada 80 peratus air mentah yang diambil PBAPP setiap hari untuk menghasilkan air terawat berasal dari Sungai Muda. Air terawatnya dibekalkan ke seluruh Seberang Perai dan juga ke kawasan selatan Pulau Pinang," katanya.

PBAPP memaklumkan pihaknya menyalurkan air dari Empangan Mengkuang untuk menyokong pengeluaran air di LRA Sungai Dua.

"Bagaimanapun, pengeluaran kami terhad kepada 300 JLH dan tidak mencukupi untuk menampung kekurangan dari Sungai Muda.

"Buat masa ini, pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua dihadkan kepada 600JLH hingga 650JLH, sehingga PBAPP boleh menyambung semula operasi pengabstrakan air mentah 100 peratus di Lahar Tiang," katanya.

Penghantaran
bekalan air
dilakukan
ke kawasan
terjejas
mengambil
kira dan
memberi
keutamaan
kepada
keperluan
kritikal.



Dijual pada harga RM40 sekilogram ke atas bagi gred A

Musang king Raub 'menjadi' musim ini

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

RAUB – Durian musang king Raub yang akan mula luruh penghujung bulan ini dijangka menghasilkan pengeluaran hasil yang banyak pada pertengahan Jun.

Menurut Pemilik Zamri Agro Farm, Zamri Othman, ia satu berita baik buat para pengemarnya kerana keunikan rasa durian musang king Raub yang mempunyai rasa lemak, manis, pahit dengan tekstur lembut.

Katanya, ia sememangnya tertus menjadi rebutan peminat durian setiap tahun.

"Biasanya sebelum ini, saya menjual purata 500 kilogram (kg) durian sehari di ladang."

"Ia sebenarnya tidak dapat menampung permintaan setiap tahun, apatah lagi bagi permintaan untuk eksport."

"Dari segi rasa dan kualiti, memang tidak dapat menandingi durian musang king Raub," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sehingga kini katanya, durian musang king di kebunnya yang bakal luruh ini telah mendapat permintaan dan tempahan daripada orang ramai.

Menurut Zamri, ladangnya yang kini mempunyai lebih 2,000 pokok musang king masih tidak mampu menampung permintaan di pasaran tempatan, apatah lagi untuk pasaran luar negara.

Dalam pada itu, ditanya mengenai hasil musang king Raub pada musim ini, Zamri berkata,



KEBUN durian musang king milik Zamri yang mempunyai 2,000 pokok.

ia 'menjadi' lebih banyak dengan keadaan cuaca yang panas ketika ini.

Dia memberitahu, biasanya musang king yang standard adalah dengan berat 2 kg hingga 3 kg dan dijual pada harga RM40 sekilogram ke atas bagi gred A.

"Durian di kebun saya paling berat ialah 5 kg sebilu," ujarnya lagi.

Sementara itu, Pegawai Daerah Raub, Datuk Mohammad Shahid Ismail berkata, durian

musang king Raub mempunyai kekuatan dan keistimewaan tersendiri.

Katanya, setakat ini tiada laporan dan aduan mengenai masalah pemasaran raja buah berkenaan.

Bellau memberitahu, dengan cuaca yang baik sejak beberapa bulan tanpa ribut dan sebagainya, buah musang king Raub dijangka lebih 'menjadi' pada musim ini.



ZAMRI menunjukkan durian musang king di kebunnya di Raub semalam.

15/5/2023

UTUSAN

DALAM

7

MALAYSIA

NEGERI

'Seperti merempat di negara sendiri'

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi isa@mediamula.com.my

KUANTAN: "Kami nelayan C2 seperti anak yatim yang merempat di negara sendiri, sedangkan nelayan warga asing menikmati subsidi kerajaan."

Demikian luthan nelayan C2 negeri ini, Tengku Adnan Tengku Husin yang mendakwa, seolah-olah wujud cubaan menutup periuk nasi golongan terbabit yang majoritinya bumiputera.

"Untuk bot kelas C, tekong dan awak-awaknya warga Vietnam dan menggunakan lesen tempatan tetapi menikmati subsidi kerajaan iaitu 10 sen untuk setiap kilogram tangkapan ikan."

"Kami nelayan kelas C2 terus 'dianaktirikan' kerana sejak lima tahun lalu tidak menerima bantuan seperti elaun sara hidup dan insentif hasil tangkapan bagi setiap kilogram ikan seperti-

Pengurangan subsidi diesel 'paksa' nelayan kurang ke laut

Harga ikan dijangka naik



DIKUATKAN, MENDALAM
Nelayan C2 di Kuantan berharap harga ikan akan meningkat kerana subsidi diesel 'paksa' nelayan kurang ke laut. (Gambar: Utusan Malaysia)

mana diterima nelayan lain," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada masa sama, katanya, harga diesel berterusan naik antara RM3.20 hingga RM4 seliter.

"Sudahlah harga diesel naik bermula 1 Januari lalu, kuota subsidi diesel dikurangkan daripada 20,000 menjadi 17,000

liter bagi bot kelas C, manakala subsidi bot kelas B dikurangkan menjadi 12,000 berbanding 15,000 liter.

"Apabila ini berlaku, nelayan kurang turun ke laut sekali gus menyebabkan berlaku peningkatan harga ikan di pasaran ekoran kekurangan bekalan."

Saya percaya jika tiada tindakan diambil kerajaan, harga ikan terus melonjak di pasaran," katanya di sini semalam.

Terdahulu, Timbalan Presiden Persatuan Pembekal Ikan Malaysia, Tai Wai Sun dilaporkan berkata, harga ikan dijangka meningkat dalam waktu terdekat ekoran jumlah nelayan yang ke laut berkurangan susulan pengurangan subsidi diesel sejak awal tahun ini.

Katanya, setiap perjalanan menangkap ikan mengambil masa kira-kira lapan hari dan subsidi yang diberikan kerajaan hanya boleh menampung kira-kira dua hari perjalanan.

Dalam pada itu, Tengku Adnan meminta kerajaan mengkaji semula pengurangan subsidi diesel kepada nelayan bot kelas B dan C serta berharap nelayan C2 dapat menikmati diesel bersubsidi.

"Diesel bersubsidi dijual pada harga RM1.65 seliter. Kami nelayan C2 dapat pada harga RM2.50 seliter pun sudah memadai, harap ia dipertimbang kerajaan kerana kami ketika ini cukup terbeban ekoran kenaikan harga bahan bakar ini."

"Selain itu, kerajaan diminta menilai semula pemberian elaun sara hidup dan insentif hasil tangkapan seperti mana pernah diberikan sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Pahang (Permepa), Zulkiflee Md. Yusof berkata, semua pengusaha bot nelayan bergantung sepenuhnya kepada kuota subsidi diesel diberikan kerajaan.

"Jika berterusan, ia mempengaruhi trip nelayan turun ke laut. Jika ini berlaku, tentunya bekalan ikan akan berkurangan dan harga terus naik di pasaran," katanya.